

MSM manfaatkan kekurangan gula global untuk pacu eksport

Tarikh kemaskini: 24/10/2019





KUALA LUMPUR, 24 Okt – MSM Malaysia Holdings Bhd menyasarkan untuk memanfaatkan keadaan defisit atau kekurangan gula di pasaran global bagi memacu pertumbuhan eksportnya.

Pertubuhan Gula Antarabangsa (ISO) baru-baru ini mengunjurkan bekalan gula global mengalami defisit sekitar 3.5 juta tan pada 2019-2020 dan meningkat kepada hampir enam juta tan pada 2020-2021 berikutan penyusutan pengeluaran di negara-negara pengeluar utama termasuk Brazil, Thailand dan Eropah.

Dalam satu kenyataan, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM Datuk Khairil Anuar Aziz berkata unjuran itu sebaliknya akan memperkukuhkan pertumbuhan eksport syarikat itu dan meningkatkan tahap penggunaan, pengoptimuman kos dan kecekapan secara menyeluruh selain produktiviti kilang penapis terbaharu, MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd.

Menurutnya, pada masa ini MSM berhasrat mengeksport lebih daripada 100,000 tan produk gula ke rantau Asia menjelang 2021 yang

turut merangkumi pengeluaran gabungan pracampur terbaharu yang telah memulakan penghantaran pada Jun 2019 selain gula cair menerusi penghantaran pertama pada Oktober 2019.

"Pelaburan kami dalam kemudahan campuran gula pracampur di kilang penapis berkenaan memberi peluang untuk MSM menembusi pasaran pracampur besar lain negara-negara Asia yang mana jumlah permintaan semasa adalah dianggarkan sekitar tiga juta tan setahun," katanya.

Malah, Khairil Anuar berkata, MSM juga merancang untuk menembusi pasaran sirap jagung, khususnya di Asia dengan anggaran permintaan mencecah kira-kira empat juta tan setahun yang menjadi platform bagi syarikat itu memperluaskan eksport pracampuran dan gula cair ke pasaran global.

"Kami turut aktif meninjau pasaran gula Singapura dari segi meningkatkan bekalan gula secara langsung ke negara itu," katanya.

Beliau juga menyifatkan faktor lokasi MSM Johor yang berhampiran dengan pasaran Singapura bersaiz kira-kira 250,000 tan metrik setahun sebagai satu peluang besar untuk syarikat itu.

"Lori tangki pukal beserta pek gula pengguna kami sentiasa sedia untuk dibekalkan kepada pengguna industri dan premis runcit lain di Singapura," katanya.

-- BERNAMA

AGENCY: BERNAMA (Online)

LINK: http://bernama.com/bm/news.php?id=1782661